

## Sakaran dilantik Canselor UMS

KOTA KINABALU: Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai telah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Watikah pelantikan yang ditandatangani Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, diserahkan kepada beliau oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dalam satu majlis di Istana Negeri di sini, pada Sabtu.

Pelantikan berkenaan berkuatkuasa 1 Jun lepas.

Sakaran, 68, yang

mempunyai pengalaman luas dalam bidang pentadbiran di peringkat negeri dan persekutuan, pernah menjadi Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dan kemudian sebagai Ketua Menteri Sabah pada 1994 sebelum dilantik Yang Dipertua Negeri pada penghujung tahun yang sama.

Najib menganggap majlis itu, sesuatu yang bersejarah bagi UMS kerana universiti itu kini mempunyai canselornya sendiri selaras dengan perkembangan pesat universiti itu sejak

memulakan pengambilan pelajar tiga tahun lepas.

"Perkembangan ini amat positif dan penggalakkan kerana walaupun dalam tempoh yang singkat, bilangan pelajar sudah mencapai tahap 2,800 bagi program ijazah pertama," katanya.

UMS juga kini mempunyai 1,400 pelajar dalam program matrikulasi, 77 di peringkat sarjana dan sembilan dalam program kedoktoran.

"Ini menunjukkan prestasi yang membanggakan dan saya percaya dengan pelantikan Canselor UMS ini,

maka masa depan universiti itu akan menjurus ke arah yang lebih cemerlang," kata Najib.

Katanya UMS akan berperanan sebagai pemangkin pembangunan Sabah serta dalam usaha melahirkan lebih banyak cerdik pandai khususnya di negeri ini.

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman serta beberapa menteri kabinet negeri.



WATIKAH PELANTIKAN... Sakaran semasa menerima watikah pelantikan sebagai Canselor UMS yang disampaikan oleh Najib.